

LPN berbelanja tanpa kelulusan dari Kerajaan

KUALA LUMPUR, Rabu — Ketua Audit negara menegaskan, Lembaga Padi dan Beras Negara telah melanggar Akta LPN kerana semua perbelanjaan pihak lembaga tahun 1976 tidak mendapat kelulusan undang-undang dari kerajaan.

Pihak lembaga, kata Tan Sri Ahmad Noordin Haji Zakaria, tidak mengemukakan anggaran perbelanjaan untuk diluluskan oleh menteri berkenaan seperti yang dikehendaki dalam akta tersebut.

Butir-butir ini didekahkan dalam laporan Ketua Audit Negara mengenai kira-kira Lembaga Padi dan Beras Negara bagi tahun berakhir 31 Disember 1976.

Laporan itu dibawa ke dalam sidang Dewan Rakyat, semalam. Ketua Audit berkata, sehingga akhir 1976, LPN menerima pinjaman \$163.673 juta dari Kerajaan Malaysia untuk rancangan-rancangan pembangunan, membiayai pembelian beras luar negeri dan membekalkan stok simpanan. Pinjaman itu juga termasuk

membiayai modal pusingan bagi urusan perdagangan dan perumahannya kerajaan.

Dari jumlah tersebut, \$145,255 juta telah diterima terus oleh LPN manakala \$18,418 juta telah diambil alih dari Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dalam tahun 1972 dan 1973.

Pinjaman

"Dari jumlah pinjaman sebanyak \$163.673 juta itu pihak saya masih belum melihat surat perjanjian yang telah ditandatangani oleh pihak kerajaan dengan LPN bagi pinjaman \$30,718 termasuk \$18,418 juta yang diambil alih dari Lembaga Pemasaran Padi dan Beras.

"Oleh yang demikian saya tidak dapat menentukan kedudukan sebenar jumlah \$30.718 juta itu," kata Tan Sri Ahmad Noordin lagi.

Mengikut syarat perjanjian pinjaman, kerajaan hendaklah menentukan kadar bayaran faedah yang tidak lebih dari enam peratus yang patut dikenakan bagi beberapa pinjaman.

"Sejauh yang saya ketahui pihak kerajaan belum lagi menen-

tukannya sehingga sekarang.

"Faedah atas kadar empat peratus dalam satu kes mulai tahun 1972 dan atas kadar tidak lebih daripada enam peratus dalam kes-kes lain mulai tahun 1975 atau selcaspunya telah tidak dibayar atau tidak ditunjukkan sebagai tanggungan dalam kira-kira lembaga setakat 31 Disember 1976 bagi pinjaman sebanyak \$111.725 juta.

"Faedah atas pinjaman yang diambil alih dari FAMA yang berjumlah \$18.418 juta juga telah tidak dibayar atau tidak ditunjukkan sebagai tanggungan dalam kira-kira Lembaga Padi dan Beras Negara setakat 31 Disember 1976," tambahnya.

Katanya, kira-kira perdagangan LPN bagi tahun 1976 menunjukkan keuntungan kasar sebanyak \$19.746 juta berbanding dengan kerugian kasar sebanyak \$38.558 juta bagi tahun 1975.

Keuntungan ini adalah dari jualan beras import sebanyak \$16.62 juta dan dari jualan beras tempatan sebanyak \$3.126 juta.

Keuntungan diperoleh dari jualan beras import itu adalah disebabkan kadar harga jualan yang ditetapkan oleh kerajaan lebih tinggi dari harga belian, jelasnya.

Keuntungan bersih bagi tahun 1976 ialah \$5.885 juta, setelah diambil kira perbelanjaan pentadbiran dan kewangan dan lain-lain pendapatan tetapi tidak termasuk bantuan sebanyak \$33.29 juta atas jualan beras import yang diterima daripada kerajaan.

Mengenai bantuan subsidi atas jualan beras import, pihak kerajaan bersetuju membayar apa-apa kekurangan dari jualan beras tersebut tetapi tertakluk kepada syarat stok penutup beras import hendaklah dinilai dengan harga belian dan bukannya harga jualan.

Berasaskan kepada syarat ini yang telah diterima oleh LPN secara sementara dan manakala LPN mendapat keuntungan lebih kurang \$24.371 juta, maka bantuan atas jualan beras import tidak timbul bagi tahun 1976. Jumlah bantuan yang patut diterima bagi tahun 1973 hingga tahun 1975 ialah \$107.682 juta berbanding dengan jumlah bantuan sementara sebanyak \$121.289 juta yang telah diterima sehingga akhir tahun 1976.



TENGU AHMAD RITHAUDEEN

3 faktor isytihar barang kawalan

KUALA LUMPUR, Rabu — Kerajaan akan memberi keutamaan kepada tiga faktor sebelum mengisytiharkan sesuatu barang itu sebagai barang kawalan, kata Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Ahmad Rithauddeen, hari ini.

Menurut beliau, ketiga-tiga faktor itu ialah keperluan, kedudukan bekalan dan kepentingan pengguna.

"Berdasarkan faktor-faktor ini barulah kerajaan membandingkan sama ada sesuatu barang itu perlu disyitiharkan sebagai barang kawalan atau sebaliknya," kata beliau lagi.

Menurutnya, jika didapat bekalan sesuatu barang itu menimbulkan masalah yang membekalkan pengguna, kerajaan tidak teragak-agak mengisytiharkannya sebagai barang kawalan.

Tengku Rithauddeen berkata demikian ketika menjawab soalan Encik Mohd. Bakri Abdul Rais (BN-Parit) di Dewan Rakyat, hari ini.

Bellau berkata, kini terdapat 20 jenis barang yang diwartakan sebagai barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan, 1961.

"Barang-barang ini adalah barang keperluan asas pengguna-pengguna yang merangkumi bahan-bahan makanan, bahan binaan dan bahan-bahan petroleum," tambahnya.

Jaminan

Barang-barang ini dijadikan barang kawalan untuk menentukan supaya kawalan yang rapi dapat dilakukan dari segi bekalan bagi menjamin kestabilan bekalan barang-barang berkenaan di pasaran.

Di samping itu, jelasnya, bagi mempasti dan memperketat lagi kawalan yang sedia ada, kerajaan mewartakan 10 jenis barang-barang kawalan ini sebagai barang berjajual di bawah peraturan-peraturan Kawalan Bekalan, 1974.

Urusiaga barang-barang tidak boleh dilakukan tanpa mem-

punyai lesen yang sah dari-kementerian ini, tambah bellau lagi.

Mengenai dengan kenaikan harga sesuatu barang, Tengku Rithauddeen berkata, adalah satu perkara yang tidak dapat dilakkan oleh kerana negara terpaksa bergantung kepada bekalan bahan-bahan mentah yang diimport dari luar.

Vietnam tak 'bermusuhan' dgn Malaysia

KUALA LUMPUR, Rabu — Kerajaan Vietnam tidak bersikap "bermusuhan" dengan Malaysia, tegas Setiausaha Parlimen Kementerian Luar, Encik Muhyiddin Haji Mohamad Yassin, di Dewan Rakyat, hari ini.

Menjawab pertanyaan Encik Peter Paul Dason (DAP-Bukit Bendera), beliau berkata, walaupun negara ini telah menghentikan bantuan ekonomi dan teknikal kepada Vietnam, hubungan diplomatik antara kedua negara masih diteruskan.

"Yang berbeza hanya pandangan kedua negara mengenai penyelesaian sengketa di Kampuchea," jelasnya.

Menjawab soalan Encik Thomas Salang Siden (BN-Julau), Encik Muhyiddin memberitahu, kerajaan memutuskan untuk membekukan semua bantuan ekonomi dan teknikal kepada Vietnam berikutan campurtangan dan pendudukan tentera Vietnam sejak tahun 1979.

"Pendirian kita jelas

menunjukkan, walaupun dasar kita mengadakan hubungan yang baik dengan semua negara, dalam hal ini, kita tidak dapat menyokong tindakan campurtangan Vietnam di Kampuchea.

Pendudukan tentera Vietnam di negara jiran itu bertentangan dengan resolusi Bangsa-bangsa Bersatu.

Pendirian ini tidak bermakna kita bermusuhan dengan Vietnam, selagi negara itu tidak menunjukkan tindak balas yang positif terhadap negara ini dan Ascan.

Menjawab soalan Encik Abdul Kadir Sheikh Fadzil (BN-Kullin) yang ingin tahu sama ada tindakan menghentikan bantuan kepada Vietnam akan menyelesaikan lagi penyelesaian krisis Kampuchea, beliau menjelaskan:

"Saya fikir tidak begitu. Walaupun kita tidak meneruskan bantuan, melalui hubungan diplomatik kita boleh mengadakan rundingan dua hala dengan negara itu.

6,792 kontraktor B-putera industri binaan didaftarkan

KUALA LUMPUR, Rabu — Dewan Rakyat hari ini diberitahu, sejumlah 6,792 kontraktor Bumiputera dalam Industri pembinaan didaftarkan sehingga 30 September lalu.

Dari jumlah itu, hanya 48 kontraktor saja dari kelas 'A', 47 kelas 'B', 103 kelas 'BX' dan yang banyak sekali ialah di kelas 'F' berjumlah 4,914 kontraktor.

Butir-butir ini dijelaskan oleh Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan Awam, Datuk Dr. Nik Hussein Abdul Rahman ketika menjawab soalan Haji Ibrahim Haji Mohamad (BN-Rantau Panjang).

Bellau berkata, untuk meningkatkan bilangan kontraktor khidmat nasihat diberi dari masa ke masa untuk menambah kemampuan dan pengetahuan mereka.

"Kontraktor-kontraktor kelas 'B', 'BX' dan 'C' yang menunjukkan

kemampuan dan keupayaan yang baik boleh dipertimbangkan untuk dinaikkan taraf ke kelas 'A', uatanya lagi.

Bellau berkata, kementeriannya mengambil tindakan membatalkan lesen kontraktor atas sebab-sebab perintah mahkamah kerana pembubaran syarikat atau mufils.

Kematian tuannya syarikat atau kontraktor sendiri tidak berminat menjalankan perniagaan atau kontraktor didapati tidak aktif selama 10 tahun boleh juga dibatalkan lesennya, kata bellau lagi.

Dari tahun 1978 hingga 1980 hanya empat kontraktor bumiputera di dalam kelas 'B' dan 'C' saja dibatalkan lesennya.

Tiga darinya adalah di bawah perintah mahkamah kerana mufils dan satu kerana tutup perniagaan, jelasnya.

LPN akan tambah lori masa menuai

KUALA LUMPUR, Rabu — Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) bercadang menyediakan kemudahan pengangkutan sebanyak 75 peratus dari keperluan di pusat-pusat belian agensi untuk memastikan pengangkutan padi sentiasa mencukupi.

Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz ketika memberitahu demikian di Dewan Rakyat hari ini berkata, tindakan tersebut perlu untuk menampung keperluan yang meningkat di musim menuai.

"Misalnya, dalam kejadian yang berlaku di Tanjung Karang baru-baru ini, sebahagian besar padi di sawah dan di tempat membeli telah tidak diangkut kerana pemilik-pemilik lori swasta tidak tampil seperti biasa untuk menyumbangkan perkhidmatan lori," ujarnya.

Bagaimanapun, menurutnya, pada keseluruhannya, didapati perkhidmatan pengangkutan mencukupi kecuali pada kemuncak musim menuai.

Datin Paduka Rafidah berkata demikian sewaktu menjawab soalan Encik Abdul Shukur Haji Siraj (BN-Tanjung Karang) memberitahu, kebiasaannya pihak-pihak kilang swasta dan pembeli-pembeli padi berlesen sendiri menguruskan pengangkutan padi yang telah dibelinya dan petani-petani dikenakan bayaran pengangkutan.

"Di dalam usaha menjamin pengangkutan secukupnya di setiap musim tuai padi, LPN akan mendapat kelulusan perintah pindaan daripada Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri bagi membenarkan pengusaha-pengusaha lori C mengangkut padi secara sewa di puncak menuai," jelasnya lagi.

Menurutnya, LPN juga menyimpan daftar senarai pemilik-pemilik lori yang boleh mendapatkan kerjasama mereka bagi mengangkut padi petani-petani yang sukar mendapatkan lori.